

## Kaji beri CF perumahan baharu

**MELAKA 5 Feb.** - Kerajaan negeri mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya mengkaji semula pembinaan bangunan terutamanya taman perumahan yang tidak mempunyai sijil kelayakan menduduki (CF) menjangkau masa 10 tahun tetapi telah didiami.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, keutamaan harus diberikan kepada mana-mana pembinaan bangunan yang tidak memperolehi CF disebabkan kelemahan kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk serta longkang.

Katanya, PBT perlu mengkaji semula pemberian CF tersebut bagi memberi keselesaan kepada rakyat dan penghuni rumah di kawasan perumahan terlibat kerana mereka telah membeli rumah masing-masing.

“Sebagai contoh, 10 tahun lalu taman perumahan tersebut tidak mendapat CF kerana tiada kemudahan seperti jalan masuk atau longkang tetapi selepas 10 tahun, kemudahan itu telah diterima sama ada melalui peruntukan lain.

“Pembinaan rumah mungkin tiada masalah tetapi taman perumahan itu gagal mendapat CF kerana kemudahan infrastrukturnya tidak lengkap dan saya cadangkan PBT boleh beri mereka CF sementara untuk keselesaan penduduk,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di pejabatnya di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Idris berkata, dianggarkan lebih daripada 10 kawasan perumahan di Melaka Tengah yang gagal mendapat CF sejak 10 tahun lalu kerana masalah tersebut.